



## KENYATAAN TAWARAN TENDER

### PENJUALAN PESAWAT – PESAWAT MILIK PIHAK BERKUASA PENERBANGAN AWAM MALAYSIA

1. Tender adalah dipelawa kepada pihak yang layak/ berminat untuk membeli aset-aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan Aset	Kuantiti	Harga Simpanan (RM)
1.	Bombardier Learjet 60 (9M-CAL)	1	5,500,000.00
2.	Bombardier Learjet 60 (9M-FCL)	1	1,500,000.00
3.	Beechcraf (King Air) (9M-JPD)	1	250,000.00

2. Pesawat – pesawat boleh dilihat bermula dari **5 hingga 7 Februari 2024** di **Hangar Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia, 47200 Subang, Selangor.** (<https://qoo.gl/maps/KPzREzpCevjnG7sE9> )
3. Permohonan akses ke Hangar CAAM (Akta Kawasan Larangan & Tempat Larangan 1959) yang menempatkan aset tersebut boleh dibuat menerusi sistem e-temujanji di pautan berikut:

**E-TEMUJANJI CAAM**

4. Tawaran boleh dibuat dengan menggunakan Borang Tender Pelupusan Aset Alih (KEW.PA-25) yang boleh diperoleh di laman sesawang CAAM. Harga tawaran hendaklah sah laku selama 90 hari dari tarikh tutup tender. Maklumat lanjut berkenaan tender boleh didapati di pautan berikut:

**DOKUMEN TENDER**

5. Tender akan ditutup pada **29 Februari 2024 jam 12.00 tengah hari.**
6. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap berserta Resit Deposit Tender CAAM hendaklah menggunakan sampul berlakri dan ditanda dengan **No. Tender CAAM/HQ/200-8/7** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:

**Bahagian Khidmat Pengurusan,  
Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia  
No. 27, Persiaran Perdana, Presint 4,  
Aras 3, Blok Podium A,  
62618, Putrajaya, Malaysia**



## PIHAK BERKUASA PENERBANGAN AWAM MALAYSIA

### SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN TENDER

1. Aset Alih akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Petender adalah dikehendaki menyertakan deposit tender sebanyak 10% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau tertakluk kepada maksimum RM100,000. Deposit sebut harga boleh dilakukan melalaui no akaun berikut:

**Nama Akaun : Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM)**  
**Nama Bank : Public bank Berhad**  
**No. Akaun : 3811340215**  
**E-mel : [unit.pembangunan@caam.gov.my](mailto:unit.pembangunan@caam.gov.my)**

3. Transaksi pembayaran deposit dan resit rasmi perlu disimpan oleh petender bagi memudahkan proses pemulangan semula deposit.
4. Tawaran tanpa/kurang deposit tender tidak akan dipertimbangkan.
5. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
6. Pihak Berkuasa tidak bertanggungjawab ke atas aset alih yang telah dijual.
7. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset alih seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut, cukai duti import dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
8. Petender yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh pemberitahuan keputusan. Jika bayaran penuh tidak dijelaskan dalam tempoh empat belas (14) hari, deposit tender tidak akan dikembalikan.
9. Tarikh pengambilan Aset tersebut **akan dimaklumkan kepada petender yang berjaya melalui surat setuju terima (SST) yang dikeluarkan**. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Pihak Berkuasa berhak untuk melupuskan aset alih tersebut.